

**DATE** : 30 JANUARY 2017  
**PUBLICATION** : BERITA HARIAN  
**SECTION** : BUSINESS  
**HEADLINE** : IPO MALAYSIA DIJANGKA MAMPU JANA RM12.42 BILLION MENJELANG 2019  
**CATEGORY** : MENTION  
**MEASUREMENT** : 84CM<sup>2</sup>  
**TO NE** : NEUTRAL  
**REMARKS** : NIL

# IPO Malaysia dijangka mampu jana RM12.42 bilion menjelang 2019

➔ Kaji selidik dapati urus niaga diramal meningkat tahun ini, melonjak mendadak 2018

Oleh **Shahrizan Salian**  
shahrizan\_salian@bh.com.my

**A**ktiviti tawaran awam permulaan (IPO) di Malaysia diunjur mampu menjana modal berjumlah AS\$2.79 bilion (RM12.42 bilion) menjelang 2019, demikian menurut firma perkhidmatan perundangan korporat, Wong & Partners. Penilaian itu dibuat melalui edisi kedua Unjuran Urus Niaga Global yang dikeluarkan oleh anggota firma undang-undang antarabangsa,

Baker & McKenzie International. Kaji selidik itu mendapati selepas melalui tempoh mencabar pada 2016, tinjauan bagi urus niaga IPO dan penggabungan serta pengambilalihan (M&A) di negara ini diramalkan meningkat pada 2017, sebelum melonjak dengan mendadak pada 2018.

Aktiviti M&A domestik dan dalam negara juga, menurut kaji selidik itu diunjurkan dalam laluan meningkat, disokong oleh anggaran pertumbuhan kukuh Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, untuk mencecah AS\$19.8 bilion (RM88.13 bilion) menjelang 2019.

Kaji selidik yang merangkumi 37 ekonomi terbesar dunia itu dijalankan bersama pakar analisis ekonomi makro global, Oxford Economics.

Ketua Korporat Komersial dan Sekuriti Wong & Partners, Brian Chia, berkata dalam kes Malaysia, walaupun penemuan bagi edisi Unjuran Urus Niaga Global kali ini dilihat agak optimistik, ada beberapa faktor penting yang sepatut-

nya memberikan keyakinan kepada korporat tempatan yang mahukan berita baik selepas melalui tempoh sukar.

#### Pacu peluang baharu

"Pertumbuhan ekonomi secara puratanya masih diunjurkan 4.2 peratus dari sekarang dan 2020, manakala keterbukaan dan sifat mudah menjalankan perniagaan di dalam ekonomi negara akan terus membantu memacu peluang baharu pertumbuhan serta urus niaga," katanya ketika diminta menngulas kaji selidik berkenaan.

Situasi yang berlaku dalam aktiviti IPO dan M&A di Malaysia sebahagiannya mencerminkan arah aliran di peringkat global.

Selepas suasana politik global yang tidak menentu selama setahun, kaji selidik itu meramalkan peningkatan dalam aktiviti urus niaga global dalam tempoh empat tahun akan datang, berdasarkan peningkatan secara berperingkat pertumbuhan ekonomi global beberapa tahun lagi, dengan KDNK global meningkat kepada 2.6 pe-

ratus pada 2017 serta 2.8 peratus pada 2018.

"Dengan ancaman terhadap kestabilan ekonomi global semakin reda dan peserta mendapat semula keyakinan di dalam pasaran, penilaian mereka itu akan diterjemahkan menjadi selera (menjalankan urus niaga)," katanya.

Pengerusi Baker McKenzie Global, Paul Rawlinson, berkata: "Kita secara jelas masih lagi dalam tempoh yang tidak menentu, namun rancangan urus niaga masih ada untuk direalisasikan.

"Kunci kira-kira korporat yang teguh, pembiayaan yang murah dan pertumbuhan sederhana di seluruh pasaran sektor utama semuanya terarah kepada peningkatan M&A akhir tahun ini, selepas melalui tempoh berhati-hati pada suku pertama, sebelum meningkat mendadak tahun depan.

"Apa yang diperlukan adalah dasar lebih lembut Donald Trump terhadap perdagangan dan impak sederhana Brexit. Adakah kita mampu mendapatkannya? Tunggu dan lihat."

#### Harga komoditi jejas sentimen pasaran

Beberapa cadangan penyenaaran bersaiz besar dirancang di Malaysia tahun lalu, namun sentimen pasaran dijejaskan oleh harga komoditi dan masalah yang dihadapi membabitkan Malaysia Development Bhd (IMDB).

Tahun lalu, hanya AS\$238 juta dijana melalui IPO di Kuala Lumpur, terendah sejak 2008, lapor data Thomson Reuters.

Firma minyak dan gas, Serba Dinamik Holdings Bhd, yang meningkatkan permodalan pasarnya sehingga RM2 bilion melalui penyenaaran awal tahun ini, masih belum mendapatkan pelabur utama.

Pasaran IPO di Asia Tenggara kebiasaannya adalah agak tidak menentu.

Begitupun pada tahun lalu, modal dijana daripada penyenaaran meningkat lebih separuh di Thailand kepada AS\$1.25 bilion, manakala penjana modal di Indonesia melonjak lebih 50 peratus untuk mencecah AS\$1 bilion.